

10/10/1997

Dua cadangan kepada IMF

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia mengemukakan dua pertimbangan untuk dibincangkan dalam perundingan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) berhubung perdagangan mata wang.

Pertimbangan berkenaan ialah prinsip penzahiran penuh dan pengurusan berhemat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kedua-dua prinsip itu digunakan untuk mengawasi kegiatan pasaran saham dan sektor perbankan termasuk 15 garis panduan IMF mengenai pengurusan berhemat institusi perbankan.

Pertimbangan itu turut dinyatakan oleh Anwar dalam perbualan telefon dengan Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), Renato Ruggiero, petang semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan dipertanggungjawabkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengemukakan cadangan peraturan ke arah mewujudkan bursa khas perdagangan mata wang, bagi melindungi ekonomi negara sedang berkembang.

"Saya maklumkan kepada Dr Mahathir bahawa setakat ini belum pernah dalam sejarah negara membangun diberi penghormatan sedemikian rupa daripada WTO," katanya ketika berucap melancarkan Syarikat Perumahan Negara (SPN) di sini, hari ini.

Beliau berkata, Ruggiero akan datang ke Kuala Lumpur akhir bulan ini manakala seorang wakil Bank Dunia dan Penasihat Kewangan Bill Clinton yang juga perunding bank itu, akan berada di negara ini beberapa hari lagi.

Kedatangan mereka bertujuan membincangkan cadangan Malaysia untuk mengenakan peraturan kepada urus niaga mata wang.

Anwar berkata, Malaysia menyedari bahawa amat sukar untuk mengenakan peraturan kepada perdagangan mata wang terutamanya mengawasi pergerakan dana lindung nilai.

Beliau turut menyatakan Malaysia tidak bermaksud bertindak secara unilateral dalam isu berhubung perdagangan mata wang sebaliknya mahu membuktikan bahawa sekiranya spekulasi mata wang dibiarkan tanpa peraturan, akan menjejaskan ekonomi terutama negara berkembang.

Negara ini juga, katanya, tidak berhasrat menjejaskan proses perundingan perkhidmatan kewangan yang sedang berlangsung di Geneva yang sepatutnya ditamatkan pada 15 Disember ini.

"Kita akan meneruskan dasar liberalisasi, cuma kita tidak mahu ia merugikan negara membangun dan memberi laluan untuk orang meragut dengan mudah kepentingan kita. Saya kira pendirian ini cukup adil," katanya.

Anwar menegaskan kerajaan tidak bercadang mengadakan sebarang perubahan terhadap peraturan sedia ada.

Sebaliknya, peraturan yang ada kini akan diteliti berdasarkan maklumat dan kajian bersama oleh IMF dan wakil Bank Dunia.

(END)